




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

AHAD
24 Ogos 2025



RUU Pekerja Gig 2025 perlu selesai isu akar umbi industri

SHAH ALAM - Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 tidak boleh diluluskan secara tergesa-gesa, sebaliknya memerlukan satu pelan reformasi menyeluruh yang menyelesaikan isu akar umbi industri dan bukannya undang-undang separuh masak.

Pandangan itu disuarakan oleh enam persatuan iaitu Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia, Persatuan Perpaduan Rakan Penghantar Malaysia, Persatuan Penghantar Dan Penghantar E-Hailing Sabah, Persatuan Rakan Penghantar Melaka, Persatuan Kebajikan Perkhidmatan Penghantar Bermotosikal Perak dan Persatuan Rakan Penghantar Kedah menerusi kenyataan bersama pada Sabtu.

Menurut kenyataan tersebut, semua persatuan itu sentiasa menyokong usaha kerajaan terutama Kementerian Sumber Manusia (Kesuma), namun RUU perlu jelas akan bidang kuasa kementerian lain.

Menurut kenyataan itu lagi, RUU berkenaan juga perlu menjelaskan mekanisme kilan (tidak puas hati) dan menyelesaikan isu tambang serta upah sebelum menambah caruman baharu.

"Perbincangan pra-RUU perlu dilakukan secara terbuka dan inklusif dengan melibatkan suara pekerja gig sebenar. Perlindungan sosial penting, tetapi ia mesti dilaksanakan progresif, sukarela dan selari dengan realiti sektor.

"Malaysia tidak boleh terperangkap dalam undang-undang populis yang mengekang peluang pekerjaan, menaikkan

kos hidup dan melemahkan daya saing digital negara," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Presiden Persatuan Transformasi Pengangkutan Awam Darat (TPAD), Nathan Mathivanan berpandangan bahawa sebarang usaha melengahkan pelaksanaan RUU Pekerja Gig 2025 merupakan pengkhianatan terbesar buat 1.2 juta pekerja gig.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan himpunan di Parlimen pada Rabu ini sebagai tanda solidariti semua pemandu di seluruh Malaysia.

Katanya, terdapat lima perkara diperjuangkan antaranya harga lantai yang adil bagi e-hailing dan p-hailing serta pelaksanaan segera dari 21 tuntutan TPAD, hasil lima siri perbincangan rasmi bersama kementerian.

Dalam pada itu, Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) mendesak kerajaan supaya tidak tunduk kepada pihak yang cuba menghalang pelaksanaan RUU Pekerja GIG 2025 selepas ia dibentang di Parlimen.

Presidennya, Datuk Mohamed Shafie BP Mammal berkata, Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) bersama pelbagai pemegang taruh telah mengadakan perbincangan demi perbincangan mengenai RUU berkenaan.

"Hak pekerja Gig tidak boleh dinafikan kerana mereka juga banyak berkorban untuk negara dengan memberi perkhidmatan terbaik kepada komuniti dan kebajikan mereka perlu diberi pembelaan," katanya.

14 NASIONAL

24 OGOS 2025 | SINAR AHAD

Perlindungan pekerja diperkukuh

PERKESO jenamakan semula skim kepada konsep 'Lindung'

Oleh NURUL HIDAYAH
HAMID
KUALA LUMPUR

Penjenamaan semula skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada konsep 'Lindung' merupakan usaha Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) untuk menampilkan identiti lebih jelas skim itu dan mudah difahami rakyat dalam melindungi kebajikan pekerja.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, penjenamaan itu bukan sekadar perubahan kosmetik, sebaliknya bakal mencetuskan reformasi struktur bagi meningkatkan kecekapan operasi dan keberkesanan dasar keselamatan sosial.

Beliau berharap usaha pembaharuan pasca penjenamaan itu akan meliputi semua fungsi utama pertubuhan tersebut termasuk perlindungan menyeluruh kepada pekerja.

"Antaranya termasuk fungsi Pusat Rehabilitasi PERKESO, perlindungan 24 jam untuk pekerja dan peningkatan kadar faedah selari dengan keperluan



Steven (dua dari kiri) menyempurnakan Pelancaran Rasmi Penjenamaan Lindung sambil diperhati Mohd Shaharin (kiri), Subahan (dua dari kanan) dan Mohammed Azman.

semasa rakyat.

"Kita juga akan tingkatkan kecekapan operasi PERKESO menerusi Rekeyasa Kesuma dengan penggunaan teknologi serta reformasi kerehah birokrasi," katanya ketika Majlis Gala Pelancaran Rasmi Penjenamaan Lindung di ibu negara pada Jumaat.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kesuma, Dr Mohd Shaharin Umar; Pengerusi Lembaga

PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Melalui penjenamaan tersebut, keempat-empat skim perlindungan PERKESO turut diperkenalkan dengan nama baharu iaitu Lindung Pekerja (Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969), Lindung Kerjaya (Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017), Lindung Kendiri (Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri) dan Lindung Kasih (Skim Keselamatan

Sosial Suri Rumah).

Dalam pada itu, Steven turut melahirkan penghargaan kepada media yang dianggap berperanan besar memastikan mesej perlindungan sosial sampai ke setiap pelosok negara.

"Kita percaya dengan sokongan media, mesej Lindung dapat menembusi segenap sempadan termasuk ke kawasan pedalaman dan luar bandar, supaya setiap pekerja mengetahui hak dan perlindungan yang ada untuk mereka," ujarnya.

Sementara itu, Subahan berkata, program itu bukan hanya memberi signifikan yang cukup besar kepada PERKESO tetapi ia adalah bukti idea dan tekad Menteri Sumber Manusia dalam memperjuangkan perlindungan sosial kepada para pekerja di seluruh negara.

"Harapan kami terhadap penjenamaan semula ini, tiada siapa yang dibiarkan terjatuh tanpa sokongan PERKESO kerana kami percaya setiap rakyat yang memerlukan akan sentiasa dilindungi, dibantu dan diberdayakan demi kesejahteraan bersama," menurutnya.

Beliau menambah, skim berkenaan adalah semangat baharu PERKESO untuk terus dekat di hati masyarakat.

Justeru 3,731 warga PERKESO di seluruh negara diminta menukar gambar profil WhatsApp kepada logo utama Lindung selama tiga hari.

Sinar Karangkrak terima Anugerah Majikan Pesona Lindung PERKESO

KUALA LUMPUR - Sinar Karangkrak Sdn Bhd menjadi antara penerima Anugerah Majikan Pesona Lindung oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kerana kekal konsisten mendahulukan kebajikan pekerja syarikat itu sejak 1980-an.

Pengumuman itu dibuat oleh Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwah Korporat PERKESO, Roshaimi Mat Rosely dan Ketua Cawangan Penjenamaan, Perhubungan Media dan Editorial PERKESO, Datuk Tengku Khalidah Tengku Bidin ketika Majlis Gala Pelancaran Rasmi Penjenamaan Lindung di sini pada Jumaat.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong kepada Pengarah Eksekutif (Korporat, Kewangan dan Pengurusan Risiko) Karangkrak, Akmal Eirfan Mohamed Fauzi.

Roshaimi berkata, syarikat penerbitan tersebut berani memberikan ruang kepada semua suara termasuk yang pernah dipinggirkan, sehingga menjadi nadi perubahan dalam dunia kewartawanan.

"Di bawah kepimpinan Pengasas Karangkrak, Datuk Hussamuddin Yaacob, Sinar Karangkrak tidak pernah berhenti berkembang.

“

Kini, Sinar Harian yang dekat di hati rakyat berkembang sebagai kuasa digital berpengaruh menerusi portal serta program buai bicara yang meraih jutaan tontonan.”

- Roshaimi

"Kini, Sinar Harian yang dekat di hati rakyat berkembang sebagai kuasa digital berpengaruh menerusi portal serta program buai bicara yang meraih jutaan tontonan," katanya.

Beliau menambah, amal tidak pernah putus dari gerakan kebajikan Ramadan hingga terbuka puasa ala Madinah, sekali gus terus menyentuh jiwa masyarakat dengan nilai kasih dan kepedulian.

Anugerah Majikan Pesona Lindung merupakan sebahagian daripada pengiktirafan PERKESO kepada lapan majikan yang mengutamakan perlindungan sosial tenaga kerja.



Akmal Eirfan (tengah) menerima Anugerah Majikan Pesona Lindung PERKESO yang disampaikan oleh Steven (dua dari kiri) ketika Majlis Gala Pelancaran Rasmi Penjenamaan Lindung di ibu negara pada Jumaat.

Turut menerima pengiktirafan ialah Simply SS Trading, iaitu syarikat usahasama bidaanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan suaminya, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa serta NH Prima International yang diasaskan Neelofa

bersama keluarga.

Antara penerima lain ialah Christy Ng Sdn Bhd, Wawa Cosmetics, Skop Productions Sdn Bhd, Media Prima Berhad dan Primeworks Studios serta D'Herbs International.

lokal

LINDA ENGGAN MASUK CAMPUR URUSAN BEEGO

'ITU HIDUP DIA'

Oleh Syafil Syazwan Jefri
syafil.syazwan@hmetro.com.my

Petaling Jaya

"Tanyalah dia," jawapan pelakon, Linda Hashim, 41, ketika diminta mengulas mengenai video memaparkan seorang artis lelaki sedang menari di kelab ma-

lam yang didakwa sebagai suaminya yang juga pelakon, Beego.

Linda ketika dihubungi berkata, sekiranya benar Beego atau nama sebenarnya, Mohamad Aszrul Nizam Abdullah adalah lelaki dalam video itu, doakan yang terbaik untuknya.

"Saya pun tak mahu bercakap lebih. Tak apalah. Kalau betul pun, itu diri dia. Kalau betul, kita doakan

yang baik-baik.

"Dia masih ada anak-anak dan hal yang di sini pun belum selesai lagi. Kita selesaikan dulu kes itu nanti," katanya kepada Harian Metro.

Linda menegaskan, dia juga sudah tidak mahu memandang ke belakang dan enggan masuk campur dalam kehidupan suaminya.

"Jadi, apa yang berlaku hari ini, berita hari ini, saya

tak mahu campur. Hidup dia, hidup dia.

"Saya pun sudah *move on* dengan hidup saya. Kalau hidup dia masih begitu, itu hidup dia," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan seorang artis lelaki sedang asyik menari di sebuah kelab malam serta berhibur dengan rakan-rakannya termasuk wanita.

Apa yang menjadi per-

hatian masyarakat adalah, artis lelaki itu kini berdepan konflik dalam rumah tangganya.



LINDA



AMIR bersyukur terima bantuan dan sokongan daripada ramanal pihak.

Bapa Amir Raja Lawak semakin uzur

Kuala Lumpur: Amir Raja Lawak, 36, memaklumkan keadaan bapanya, Azmi Deris yang menghidap kanser usus kini semakin uzur.

"Kalau dulu, bapa masih boleh bangun, tetapi, sekarang dia akan mudah terjatuh dan memerlukan pengawasan dari saya di rumah. Bapa juga pernah terhantuk di dinding dan terjatuh dari kerusi," katanya.

Dalam masa sama, Amir juga enggan mengulas mengenai tindakan undang-undang daripada pihak Awesome TV terhadapnya.

Katanya, dia berharap isu baki bayaran tunggakan sebanyak RM18,000 itu dapat diselesaikan secara baik

dengan pihak stesen TV berkenaan.

"Saya tak mahu memperbesarkan isu ini. Insyallah, ada perbincangan dengan orang tengah dan pihak terbabit dalam tempoh terdekat.

"Buat masa sekarang, saya perlu lebih berhati-hati untuk keluaran sebarang kenyataan tapi jika ada sebarang makluman pasti saya akan tulis (di media sosial)," kata bekas peserta program Raja Lawak musim ketiga itu.

Amir turut bersyukur kerana menerima bantuan dan sokongan daripada ramai pihak selepas isu bayaran tunggakan itu mendapat perhatian ramai.

"Saya bersyukur ramai yang menyokong dan membantu termasuk daripada rakan artis.

"Ramai rakan artis yang bantu, tapi

mereka tidak mahu dedahkan nama dan saya juga tidak mengetahui berapa jumlah wang yang mereka bawakan kerana sumbangan dikreditkan terus ke akaun bapa," katanya.

Terdahulu, Awesome TV memaklumkan satu tindakan undang-undang sudah difailkan terhadap tiga selebriti iaitu Amir, Mamak Puteh dan Abu Mamu berikutan dakwaan kenyataan berunsur fitnah yang disebarkan melalui media sosial masing-masing.

Dalam laporan sebelum ini, Amir memuat naik bantaran mendakwa bayarannya bersama sebuah stesen televisyen masih tertunggak.

Amir mendakwa, dia hanya menerima sebahagian bayaran iaitu RM5,000 daripada jumlah keseluruhan RM23,000.



STEVEN (tujuh dari kiri) bergambar bersama penerima Anugerah Majikan Pesona LINDUNG di Hotel EQ, Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur: Media Prima Berhad (MPB) menerima penghargaan Majikan Pesona LINDUNG daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) atas kecahnaan syarikat berkenaan menjaga kebajikan pekerjaannya.

Penghargaan itu disampaikan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim kepada Ketua Pegawai Eksekutif

Rangkaian Televisyen Media Prima dan Prime-worles Studios, Nini Yusof.

Nini berkata, MPB tidak pernah culas membayar caruman pekerjaannya kepada PERKESO kerana pelbagai manfaat disediakan oleh organisasi berkenaan.

"Sebab kami tahu banyak

manfaat diterima oleh pekerja jika mencarum dengan PERKESO. Disebabkan itu sebagai majikan kami akan pastikan caruman ini dibayar tepat pada masa dan penuh segala saranan oleh PERKESO.

"Saya juga gembira mendengar penerangan dari-

"Kami tahu banyak manfaat diterima oleh pekerja jika mencarum dengan PERKESO. Kami akan pastikan caruman ini dibayar tepat pada masa dan penuh segala saranan oleh PERKESO"

Nini

pada menteri mengenai penjenamaan semula LINDUNG ini kerana ia akan memudahkan kita untuk membuat tuntutan selain membuka peluang sama rata kepada sektor lain termasuk pekerja gig dan pencairan persendirian," katanya.

New Sunday Times • AUGUST 24, 2025

4 | **NEWS / Nation**

HEADING TO PARLIAMENT

NEW LAW TO PROTECT GIG WORKERS

Bill crafted after 37 engagement sessions with 3,800 stakeholders

HAKIM MAHARI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

AFTER more than a year of memorandums, consultations and heated debate, the long-awaited Gig Workers Bill is set to be tabled in Parliament by Human Resources Minister Steven Sim.

The bill, crafted after 37 engagement sessions with more than 3,800 stakeholders across government agencies, state authorities, platform operators, employers, unions and gig worker associations, aims to bring clarity to a sector that has for years existed in a legal vacuum.

One of the key elements of the bill, according to a Human Resources Ministry document, is the definition of gig workers,

with contracts required to clearly state terms of service, obligations and payments.

Workers must be informed about the nature of their work, the income they are entitled to and how it will be paid.

The law also seeks to shield them from unfair practices, ensuring that they are not discriminated against in assignments or pay.

Any proposed changes to a contract must first be discussed with workers, ensuring that their consent and views are taken into account.

Platform-based workers will also be entitled to greater transparency in how technology governs their work.

They must be informed about how automated systems monitor,

assign and evaluate their performance, and they will have the right to request a human review of any decision made by such systems.

The bill further affirms gig workers' right to join or form associations, strengthening their ability to organise collectively.

They will also be entitled to request income slips for transparency in payments, a measure long demanded by workers seeking greater accountability from platforms.

SAFEGUARDS AGAINST EXPLOITATION

The issue of arbitrary deactivation, a long-standing complaint among platform workers, will also be addressed.

Under the proposed law, platform providers must give written notice before suspending a worker, limit deactivation periods to 14 days and compensate them with half of their expected earnings if no wrongdoing is proven.

This provision is expected to bring a measure of security to thousands of riders and drivers who have long complained of sudden, unexplained account terminations.

SOCIAL PROTECTION AND SAFETY NETS

Beyond contractual protections, the bill extends social security coverage to gig workers through the Social Security Organisation (Perkeso).

Platform providers will be required to make deductions from payments and remit them, while workers will be obliged to select contribution plans.

This aims to ensure coverage for injury, illness and other risks long borne by workers alone.

The law also obliges contracting entities to safeguard health and safety, requiring them to conduct risk assessments, provide proper equipment and put in place emergency procedures. Workers will be expected to

comply with safety rules, but companies that fail to protect them could face hefty fines or even imprisonment.

Non-compliance could result in fines of up to RM50,000 or imprisonment.

MECHANISMS FOR JUSTICE

Dispute resolution, often an expensive and time-consuming process for gig workers, is another central feature of the bill.

A new three-stage system will be introduced, starting with internal grievance channels, followed by mediation through the Industrial Relations Department and ultimately the establishment of a Gig Workers Tribunal.

This tribunal is designed to offer workers a quicker, cheaper alternative to civil courts, with its awards binding on both parties.

Awards made by the tribunal will be binding, with penalties for non-compliance reaching RM50,000 or two years' imprisonment.

Activist hails bill, but drivers want better pay rules

KUALA LUMPUR: The Gig Workers Bill, which is set to be tabled soon, will be a "game-changer" for 1.2 million gig workers, offering landmark protection and recognition for the growing gig economy, the eHailing Malaysia Coalition (Gem) said.

Gem chief activist Jose Rizal said the bill could elevate the status of gig workers, while maintaining flexible work arrangements.

"The bill must become a landmark reform that not only protects but also uplifts gig workers as part of the national workforce."

"We want the law to ensure a balance between flexible work and the guarantee of fundamental rights for workers," he told the *New Straits Times*.

He said the coalition fully supported the mandatory Social Security Organisation (Perkeso) contribution by platform providers, noting that it aligned with the spirit of universal social protection.

He said the implementation model must be fair and transpar-

ent, without shifting the burden onto gig workers.

"Platform providers must share the responsibility as employers in the formal sector contribute 100 per cent for their employees' work-related accident protection."

He said the bill was a good start, but there were still gaps to be addressed.

One key issue is the "pay floor" or minimum income, which is crucial to protect gig workers from unfair pay rates.

"Access to flexible retirement savings should also be included as part of long-term preparation."

Rizal welcomed the provision to allow gig workers to form associations, calling it a "big step forward".

He said it provided a legitimate space for the gig worker community to organise collectively, act like a trade union, advocate for their rights, make demands and serve as an official voice in engagement with the government and platform providers.



E-hailing drivers often face unexpected challenges, such as disputes or out-of-pocket costs. NSTP FILE PIC

E-hailing driver Muhammad Azahari Mazlan, 36, described the Gig Workers Bill as a positive step, but urged policymakers to also address fundamental issues such as wages and platform transparency.

Azahari, who has been an e-hailing driver since 2017, said the bill's provisions on social security contributions were welcome, but income matters should not be left solely to operators.

He said he agreed with calls for the bill to be simplified to ensure

that work protections were both practical and meaningful for drivers like him.

"For me, the most important thing is to resolve the basics first, which is wages and pay standards, as well as transparency in how platforms manage their rules."

He said drivers often face unexpected challenges, such as disputes or out-of-pocket costs, and called for mechanisms that ensure fair treatment.

"As a start, this bill is good, but

it should go further. Issues like wage standards, new driver requirements, annual registration and maintenance costs, Puspakom inspections and insurance premiums also need to be looked at carefully," he said.

He hoped the new law would evolve into a framework that truly balanced the needs of workers, operators and passengers.

"Drivers are ready to support it, but we want to make sure it really protects our livelihoods in the long run."

• AUGUST 24, 2025 - NewSundayTimes

Nation / NEWS | 5

GIG WORKERS BILL 2025

THINK TANK WARNS OF HIGHER COST

Without proper framework, it will incur regulatory costs for platforms, which will be passed to consumers

HAKIM MAHARI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A THINK tank has warned that the proposed Gig Workers Bill, which has been delayed three times, could raise costs for digital platforms and consumers.

MY Mobility Vision chief executive officer Wan Agyl Wan Hassan said there were serious concerns about the bill, noting that the gig economy is complex and cuts across various sectors, platforms, states and commitment levels.

He said one of the most debated features was a minimum compensation framework aimed at guaranteeing fairness.

"The intention is noble, but the operational implications remain unclear," Wan Agyl told the New

Sunday Times.

He questioned whether platforms would be forced to enforce minimum working hours to meet the thresholds.

He also asked how small, local platforms would comply without cutting jobs or raising barriers.

Wan Agyl said a "flexible minimum" would end up becoming a regulatory cost that platforms often absorb by shrinking access, which means fewer opportunities for gig workers, not more.

He added that platforms would ultimately pass any additional compliance costs to consumers, leading to higher prices amid a challenging business environment following the increase in minimum wage, the implementation of e-invoicing, and the expansion of the Sales and Services Tax.

He cited Singapore, where at

least four ride-hailing operators had raised fees due to costs from their Platform Workers Act, even without a minimum compensation framework.

Wan Agyl said no Regulatory Impact Assessment (RIA) on the bill had been published by the government to date, despite a 2012 circular from the then chief secretary to the government requiring such an assessment for all proposed policies and legal amendments.

He warned that passing the law without addressing these issues might backfire and the bill should be reviewed again.

"What we need is a time-bound, transparent review to be conducted with workers, platforms and policy experts," he said.

"This isn't about delay. It's about getting it right." Separately, Kiddocare, a Malaysian childcare platform,



What we need is a time-bound, transparent review to be conducted with workers, platforms and policy experts. This isn't about delay. It's about getting it right.

WAN AGYL WAN HASSAN
MY Mobility Vision
chief executive officer



There has been no Regulatory Impact Assessment published on the Gig Workers Bill despite a 2012 circular from the then chief secretary to the government requiring an assessment for all proposed policies and legal amendments. NSTP FILE PIC

said the bill appeared to be a "quick fix" and risks harming the very workers it aimed to protect.

The company said the bill appeared to focus heavily on the e-hailing and p-hailing sectors, while neglecting other "vital gig sectors", such as childcare, eldercare and wellness.

"A single framework applied across different gig sectors risks being ineffective at best, and counterproductive at worst," Kiddocare said in a statement to the NST.

Although the company said it supported the principle of social protection, it also cautioned against "rigid, mandatory schemes" that did not reflect the reality of the sector.

Kiddocare called on the government to publish a comprehensive RIA before tabling the bill and to ensure that there was inter-ministerial coordination.

It said the government must engage all gig sectors and build on existing protections rather than duplicating them.

Last week, Grab Malaysia urged lawmakers to ensure that the proposed bill struck a balance between protecting workers and sustaining innovation.

The company said it supported regulations that provided stronger protections for gig workers, but any framework must be underpinned by three principles: flexibility, balance and collaboration.

MAJIKAN PESONA LINDUNG

Media Prima recognised for 'timely contributions' to Perkeso

KALBANA PERIMBANAYAGAM
KUALA LUMPUR
kalbana@nst.com.my

MEDIA Prima Television Networks and Primeworks Studios were recognised as Majikan Pesona Lindung at the Social Security Organisation (Perkeso) schemes rebranding launch on Friday.

"Media Prima Bhd is committed to safeguarding employee welfare by ensuring timely contributions to Perkeso," said Media Prima Television Networks and Primeworks Studios chief executive officer Nini Yusof when met after the award ceremony.

She said the company felt honoured by the recognition and would continue to support worker-

welfare initiatives.

"At Media Prima, we have always fulfilled our responsibility to contribute for all our staff because we are aware of the many benefits it brings.

"We make sure contributions are made on time and, as much as possible, meet the requirements set by Perkeso," she added.

Nini said she was also encouraged by the government's plans to simplify claims under the revamped Lindung schemes.

"I was very pleased to hear Human Resources Minister Steven Sim explain that the claims process will be made easier.

"I think these four Lindung schemes are excellent, not only for companies like Media Prima that contribute for their workers, but also for gig workers and individ-



Human Resources Minister Steven Sim (left) and Social Security Organisation (Perkeso) chairman Datuk Seri Subahan Kamal (right) presenting the Majikan Pesona Lindung award to Media Prima Television Networks and Primeworks Studios chief executive officer Nini Yusof in Kuala Lumpur on Friday. NSTP PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRIL SAALI

uals who want to contribute on their own," she said, referring to Sim's opening speech.

Media Prima was recognised alongside other notable employers

and entrepreneurs, including Simply SS (owned by Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin and her husband, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa), Christy Ng Fashion (Christy

Ng Mei Mei) and Skop Productions (Datuk Dr Yusof Haslam), as well as Sinar Karangkrak, Datuk Seri Aliiff Syukri, Noor Neelofa and Aeril Zafrel-Wawa Zainal.

Nasional

24 Ogos 2025 **BH** AHAD

MPB terima penghargaan Majikan Pesona LINDUNG

Anugerah daripada PERKESO atas kecaknaan jaga kebajikan pekerja

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Media Prima Berhad (MPB) menerima penghargaan Majikan Pesona LINDUNG daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) atas kecaknaan syarikat berkenaan menjaga kebajikan pekerja.

Penghargaan itu disampaikan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, kepada Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima dan Primeworks Studios, Nini Yusof.

Nini berkata, MPB tidak pernah culas membayar caruman pekerja kepada PERKESO kerana pelbagai manfaat disediakan oleh organisasi berkenaan.

fak culas bayar caruman

"Sebab kita tahu banyak manfaat akan diterima pekerja jika mencarum dengan PERKESO. Disebabkan itu sebagai majikan kita akan pastikan caruman ini dibayar te-



Nini menunjukkan Anugerah Majikan Pesona LINDUNG sambil diperhatikan Steven Sim (dua dari kiri) dan Subahan (dua dari kanan) pada Majlis Gala: Pelancaran Penjenamaan LINDUNG di Kuala Lumpur. Yang turut serta, Dr Mohammed Azman Aziz (kanan) dan Mohd Shahrin.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

pat pada masanya dan penuh segala saranan oleh PERKESO.

"Saya juga gembira mendengar penerangan daripada menteri mengenai penjenamaan semula LINDUNG ini kerana ia akan memudahkan kita untuk membuat tuntutan selain membuka peluang sama rata kepada sektor lain termasuk pekerja gig dan juga pencarum persendirian," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika ditemui selepas Majlis Gala: Pelancaran Penjenamaan LINDUNG di sini, malam kelmarin. Yang turut hadir Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa), KESUMA, Dr Mohd Shahrin Umar dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Selain MPB, PERKESO turut

memberikan penghargaan berkenaan kepada tujuh majikan lain termasuk dalam kalangan artis kerana tanpa culas membayar caruman, selain membina empayar perniagaan masing-masing.

Ikran yang diberikan penghargaan adalah Datuk Seri Siti Nurhaliza Taruddin, Noor Neelofa Mohd Noor, Datuk Yusof Haslam, Datuk Seri Alif Syukri, Christy Ng serta Aeril dan Wawa Zainal.